



# Rahim letak jawatan MB

HAJI RAHIM — foto rbarunyo, semalam.

## Perdana Menteri dijangka mengumumkannya Sabtu depan

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Haji Abdul Rahim Bakar akan meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Pahang, minggu depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dijangka mengumumkan perkara ini Sabtu depan.

### Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

Setiausaha Politik Perdana Menteri, Megat Junid Megat Ayub, yang mengesahkan pertemuan "empat mata" antara Datuk Seri Dr. Mahathir dan Haji Rahim berkata: "Perdana Menteri dijangka mengumumkan perkara ini Sabtu depan".  
Berita Minggu difahamkan, Haji Rahim dijangka meletakkan jawatan sebagai Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pahang, tetapi akan terus mengekalkan kedudukannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Berserah.

Bagaimanapun, Haji Rahim ketika ditemui selepas pertemuan itu berkata: "Bersabarlah sehingga hari Isnin ini, bila Perdana Menteri sendiri akan membuat pengumuman itu."  
Berita Minggu juga difahamkan, Haji Rahim dijangka meletakkan jawatan sebagai Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pahang, tetapi akan terus mengekalkan kedudukannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Berserah.

akan meneruskan tugasnya sebagai Menteri Besar. Haji Abdul Rahim berkata: "Sekurang-kurangnya, saya akan balok untuk menemui keluarga saya."  
Jawapan ini seolah-olah memberi maksud tertentu, tetapi masih belum dapat dipastikan. Beliau juga enggan menyatakan sama ada Perdana Menteri telah menawarnya jawatan lain.  
Terdahulu dari itu, Haji Abdul Rahim tiba di Jabatan Perdana Menteri kira-kira sepuluh minit ke jam 9 pagi. Beliau keluar jam 10.30 pagi.

Setelah 40 minit menemui Perdana Menteri, beliau kemudian menemui sahabat-sahabat lain di Jabatan.

Sebaik keretanya keluar dari pintu besar Jabatan Perdana Menteri, para pemberita dan jurufoto mengekorinya.

Haji Abdul Rahim singgah di Bangunan UMBC, kira-kira sejam, bertemu Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Dr. Elias Omar.

Butir-butir pertemuan mereka tidak dapat diketahui, tetapi Dr. Elias ada menyebut bahawa mereka membincangkan perkara yang penting.

Dua hari lalu, Berita Harian telah menyiarkan berita bahawa Haji Abdul Rahim mungkin meletakkan jawatan tidak lama lagi.

Berita yang menyebut sumber-sumber itu menyatakan tempat beliau diduga akan diambilalih oleh Abul Exco, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman.

Semalam, laporan dari Kuantan menyatakan Haji Abdul Rahim tidak akan mengambil cuti, sebaliknya, akan serta merta meletakkan jawatan sekiranya dikehendaki berbuat demikian.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia